

11 OCT 2000

Pokok

SARAWAK TANAM 9,000 POKOK DALAM MASA SATU MINIT

KUCHING, 11 Okt (Bernama) -- Sarawak akan turut serta dalam percubaan untuk menanam 100,000 pokok di seluruh negara dalam masa satu minit pada Ahad ini untuk disenaraikan dalam Guinness Book of Records.

Menteri Alam Sekitar dan Kesihatan Awam Sarawak Datuk Amar James Wong akan mengetuai usaha untuk menanam 9,000 pokok di seluruh negeri dalam masa satu minit pada satu majlis di Taman Kuching.

Selaras dengan usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara taman pada tahun 2005, Penanaman Pokok Milenium untuk Hari Habitat Sedunia dijangka dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Taman Bukit Jalil di Kuala Lumpur pada pukul 9.30 pagi pada hari berkenaan.

Pegawai Perhubungan Awam Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) Lilian Liew berkata MBKS telah menyediakan 500 lubang di taman itu bagi pokok-pokok itu.

"Setakat ini sambutannya sangat baik," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Pegawai perhubungana wam Majlis Perbandaran Padawan Then Hon Nyian berkata 500 pokok akan ditanam dengan bantuan sukarelawan dari sekolah-sekolah pada Ahad ini sebagai sebahagian daripada projek pengindahan dan lanskap.

Pelbagai majlis tempatan di seluruh negeri akan turut serta dalam usaha itu.

-- BERNAMA

CJ AKD